

PAS kena terus pujujuk BERSATU, UMNO

Kuala Lumpur: Demi agenda pemuaafakan dan penyatuan ummah Melayu-Islam di negara ini, kepemimpinan PAS perlu terus berusaha memujuk BERSATU dan UMNO untuk menempuh Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) secara bersama.

Penganalisis politik, Prof Madya Dr Azmi Hassan, berkata hanya dengan usaha pujujuk memujuk di antara satu sama lain, penyatuan ummah seperti diperjuangkan PAS, dapat diperlihara.

"Memang tidak dinafikan kehadiran PAS dalam Perikatan Nasional (PN) adalah untuk penyatuan ummah, walaupun ada tuduhan PAS terlalu sele-sa dengan jawatan kerajaan, saya pasti itu bukan matlamat utama, sebaliknya penyatuan ummah.

"Berikutnya persengkatan di antara BERSATU dan UMNO, PAS perlu tukar sedikit strategi. Strategi PAS untuk berada dalam PN, memberi tekanan kepada UMNO yang ketika ini merasakan mereka kuat dan mendapat sokongan Melayu yang agak padu berbanding kalau digabungkan di antara BERSATU dan PAS...itu ada kemungkinannya.

"Saya lihat PAS kena tukar strategi iaitu kalau memaksa UMNO tidak membuat hasil, maka apa salahnya PAS memaksa BERSATU untuk bersama-sama bekerjasama dengan UMNO dan PAS melalui Muafakat Nasional (MN).

"Hal ini belum dicuba oleh PAS yang ketika ini dianggap 'king maker' sebagai hasrat dalam mencapai matlamat perpaduan dan penyatuan ummah," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Presiden PAS, Datuk Seri Ab-



Saya lihat PAS kena tukar strategi iaitu kalau memaksa UMNO tidak membuat hasil, maka apa salahnya PAS memaksa BERSATU untuk bersama-sama bekerjasama dengan UMNO dan PAS melalui Muafakat Nasional (MN).

Azmi Hassan,
Penganalisis politik

dul Hadi Awang, yang menolak sebarang permuaafakan tidak membawa kepada penyatuan, selain enggan bekerjasama dengan kumpulan yang mencabar agama dan bangsa.

Abdul Hadi turut mengajak semua kumpulan Islam bergerak dengan PN, bersama-sama BERSATU yang berteraskan Islam memimpin dan berintegriti. Namun, ketika ini, UMNO ibarat berpatah arang apabila membuat keputusan untuk tidak bekerjasama dengan BERSATU pada PRU-15.

Penganalisis politik Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berpandangan PAS tidak harus berputus asa dalam mencari jalan kerjasama dengan UMNO, meskipun parti itu cenderung memilih BERSATU menerusi PN.

Beliau berkata, antara BERSATU dan UMNO, masing-masing mempunyai kekuatan dan PAS ada kekuatan sendiri yang kedua-dua parti itu mungkin tidak ada, memaksa situasi sekarang perlunya kompromi antara satu sama lain.



Saya jangka meskipun PAS memilih BERSATU dan PN, PAS juga akan mencari kerjasama dan sokongan UMNO untuk tubuhkan kerajaan jika tidak cukup kerusi.

Mohd Izani Mohd Zain,
Penganalisis politik Universiti Putra Malaysia

"PAS sebuah parti yang banyak pengalaman dalam kerjasama politik. Sudah tentu mempunyai asas dalam keputusannya. Bagaimanapun, pemilihan PAS untuk bersama PN berasaskan PN sebagai sebuah kerajaan dengan kelebihan yang ada.

"Dalam konteks pilihan raya pula, ia mungkin sedikit berbeza apabila nanti ada kemungkinan jentera PAS akan digunakan untuk memastikan kemenangan BERSATU. Kerjasama PAS dan BERSATU, meninggatkan kita akan kerjasama parti itu dengan Semangat 46 yang juga serpihan UMNO.

"Saya menjangkakan meskipun PAS memilih BERSATU dan PN, PAS juga akan mencari kerjasama dan sokongan UMNO untuk tubuhkan kerajaan jika tidak cukup kerusi. MN mungkin tidak mampu menjadi platform politik bagi PAS dan UMNO akan tetapi boleh menjadi payung kepada kelangsungan Melayu dan Islam. PAS boleh memilih PN tetapi tidak bermaksud perlu meninggalkan MN," katanya.